

Ucapan Aluan

Yang Berbahagia

Datuk Ir. Ahmad ‘Asri Bin Abdul Hamid

Ketua Eksekutif CIDB Malaysia

sempena

**SEMINAR PEMANTAPAN KONTRAKTOR DAN PENERANGAN
PENDAFTARAN KONTRAKTOR G1 BUMIPUTERA DI LAWAS,
SARAWAK**

Hotel Seri Malaysia Lawas, Sarawak

20 Disember 2019 (Jumaat)

Para tetamu kehormat,

Wakil-wakil media,

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dirafakkan ke hadrat Ilahi, kerana dengan limpah rahmat, izin dan kurnia-Nya dapat kita bersama-sama hadir di **Seminar Pemantapan Kontraktor Dan Penerangan Pendaftaran Kontraktor G1 Bumiputera Di Lawas, Sarawak.**
2. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Baru Bian, Menteri Kerja Raya serta warga Kementerian Kerja Raya kerana memberi peluang kepada CIDB Malaysia untuk menganjurkan seminar ini bersemepena dengan Karnival Krismas Lawas 2019. Pihak CIDB

Malaysia sememangnya amat menghargai sokongan padu yang diberikan oleh pihak KKR terhadap inisiatif-inisiatif serta program-program CIDB.

3. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Persatuan Kontraktor Bumiputera Malaysia (PKBM) kerana sudi bekerja sama dengan CIDB Malaysia untuk menjayakan seminar ini.

Tuan-tuan, puan-puan dan para hadirin yang dihormati sekalian,

Latar Belakang CIDB

4. CIDB adalah sebuah Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kerja Raya yang telah ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (Akta 520) untuk membangunkan, mengawalselia, menguatkuasa dan melaksanakan tugas-tugas dan juga fungsi-fungsi yang berkaitan dengan industri pembinaan.
5. Di bawah kepimpinan KKR, CIDB bertanggungjawab untuk memajukan dan merangsang pembangunan, penambahbaikan dan perkembangan industri pembinaan. CIDB juga memainkan peranan sebagai penasihat kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri serta pihak-pihak berkepentingan yang lain mengenai perkara-perkara berkenaan dengan industri pembinaan.
6. Selain itu, CIDB juga dimandatkan untuk membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada professionalisme, inovasi dan pengetahuan. Sekaligus, membina industri pembinaan tempatan yang berdaya saing di persada dunia.
7. Pada tahun 2011, Akta 520 telah dipinda bagi memantapkan lagi peranan CIDB dalam menguatkuasakan kualiti dan keselamatan dalam industri pembinaan. Pindaan Akta 520 melibatkan 3 perkara utama iaitu; -

- Peningkatan kualiti pembinaan melalui pendaftaran personel binaan, pemerakuan kemahiran dan kompetensi;
- Jaminan kualiti bahan binaan melalui penetapan dan pematuhan kepada standard; dan
- Perletakan tanggungjawab ke atas kontraktor dan pengurus tapak untuk mengurus dan memastikan keselamatan bangunan dan kerja pembinaan semasa atau selepas kerja pembinaan.

Para hadirin sekalian,

Mengenai CITP

8. Sebagaimana kita sedia maklum, **Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP) 2016 – 2020** merupakan sebahagian penting daripada Rancangan Malaysia yang Ke-11 atau RMK11, yang menetapkan sasaran-sasaran strategik untuk membangunkan industri pembinaan Malaysia menjadi sektor pembinaan bertaraf antarabangsa dan mampu bersaing di dalam industri tempatan dan arena dunia.
9. Bagi mencapai matlamat ini, CITP telah menggariskan inisiatif-inisiatif penting di bawah empat teras strategik, iaitu:
 - a. Kualiti, Keselamatan dan Profesionalisme,
 - b. Kelestarian Alam Sekitar,
 - c. Produktiviti dan
 - d. Pengantarabangsaan.
10. Di bawah teras strategik Produktiviti khususnya, pelbagai inisiatif pemberkasaan kemampuan dan kapasiti personel binaan telah dilaksanakan untuk mewujudkan lebih ramai tenaga mahir tempatan dalam sektor pembinaan, di samping meningkatkan produktiviti dan kebolehpasaran para pelatih khususnya di kalangan belia dan Bumiputera.

Program Seminar Pemantapan Kontraktor Dan Penerangan Pendaftaran Kontraktor G1 Bumiputera Di Lawas

11. Justeru itu, susulan daripada pembukaan semula pendaftaran kontraktor G1 pada September lalu, CIDB Malaysia mempergiatkan lagi perancangan dan pelaksanaan inisiatif-insiatif pemerkasaan kontraktor bagi mewujudkan kontraktor-kontraktor G1 yang berdaya saing dan menggalakkan mereka meningkatkan keupayaan ke kelas yang lebih tinggi.
12. Seperti yang anda dapat saksikan pada hari ini, CIDB telah mengadakan sesi taklimat Permohonan Pendaftaran Kontraktor G1 (Bumiputera) dan Permohonan Sijil Taraf Bumiputera (STB) khususnya bagi memberi bimbingan kepada kontraktor-kontrakor baharu.
13. Tambahan lagi, bagi menggalakkan kontraktor Bumiputera untuk sentiasa mempertingkatkan kebolehan dan pendapatan serta menggunakan teknologi, CIDB juga telah mengadakan taklimat Pelaksanaan Sistem *E-Learning* CIDB dan *Contractor 4U*.
14. Sebentar lagi, pihak SPRM akan memberikan taklimat mengenai penguatkuasaan Seksyen 17A Akta SPRM Pindaan 2018, di dalam sesi taklimat Liabiliti Korporat Dalam Pencegahan Rasuah. Ini merupakan sebahagian daripada usaha untuk menerapkan amalan perniagaan yang telus serta membudayakan integriti dalam kalangan penggiat industri.
15. Selain itu, sesi perkongsian bersama PKBM turut diadakan bagi memberi inspirasi dan motivasi kepada kontraktor Bumiputera untuk sentiasa mempertingkatkan prestasi. Dalam sesi ini, pihak PKBM akan berkongsi tips-tips dan kisah-kisah kejayaan kontraktor Bumiputera dalam industri pembinaan.
16. Diharapkan, acara pada hari ini menjadi platform untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai pendaftaran sebagai kontraktor Bumiputera G1. Ini merupakan peluang keemasan bagi kontraktor-kontraktor khususnya generasi muda untuk menjadi lebih berdaya maju dan berupaya untuk mempertingkatkan prestasi ke gred yang lebih tinggi.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

Penutup

17. Sebelum saya mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Tuan Baru Bian, Menteri Kerja Raya atas sokongan dan dorongan yang diberikan kepada pihak CIDB Malaysia. Sokongan Yang Berhormat merupakan pembakar semangat kepada pihak kami untuk terus membangunkan industri pembinaan.
18. Terima kasih juga diucapkan kepada SPRM dan PKBM di atas kerjasama dan sokongan yang tidak berbelah bagi untuk menjayakan acara hari ini. Kelangsungan seminar hari ini merupakan hasil daripada kerjasama dan usaha keras daripada pihak anda.
19. Bagi para kontraktor Bumiputera yang hadir pada hari ini, saya berharap agar semua akan memanfaatkan segala peluang yang ada pada hari ini dan juga masa akan datang.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.